# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# AHAD 3 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br>5.<br><br>6.<br>7.<br>8.<br><br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br><br>15.<br><br>16. | HARGA BERAS IMPORT DIJANGKA NAIK, NASIONAL, BH-1, 3<br>PENGILANG DIARAH TINGKAT PENGELUARAN 20 PERATUS, NASIONAL, BH-3<br>KEMENTERIAN KOMITED BANTU RAKYAT CEBURI PERNIAGAAN AGRO TANI: CHAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES-2<br>TINGKATKAN BEKALAN BERAS BPT, SETEMPAT, METRO AHAD-17<br>HARGA BETAS PUTIH TEMPATAN KEKAL RM2.60 SEKILOGRAM, DLM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA-3<br>BERAS TEMPATAN KURANG, BERAS IMPORT MAHAL, NASIONAL, SH-1,2<br>TAMBAH BEKALAN BERAS 20 PERATUS, NASIONAL, SH-4<br>ULASAN \| TUBUHKAN SEGERA PUSAT TEKNOLOGI PERTANIAN BANDAR ATAU TERUS DI BELAKANG, NEWS, SUMBERKINI-ONLINE<br>MAFS LAKSANA PELBAGAI INISIATIF BANTU PENIAGA AGRO TANI, NEWS, SABAH BARU NEWS-ONLINE<br>HARGA BERAS PUTIH TEMPATAN KEKAL RM2.60 SEKILOGRAM, NEWS, UM-ONLINE<br>BERNAS GETS EXTRA 20PC RICE QUOTA, NEWS, GUANG MING DAILY-A5<br>KPDN : PEOPLE MAY LODGE REPORT ACCORDINGLY TO RICE SHORTAGE AND PRICE HIKE, NATION, KWONG WAH YIT POH-A1,A4<br>RICE PRICE HIKE AT MALAYSIA IS LOWEST WITHIN REGION, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A2<br>PADI MILLERS, RICE WHOLESALERS ASKED TO INCREASE SUPPLY BY 20 PER CENT, NATION, SIN CHEW DAILY-5<br>MOA: RICE WHOLESALERS AGREE TO INCREASE LOCAL WHITE RICE SUPPLY BY 20PCT, EAST SABAH, SEE HUA DAILY NEWS-A2<br>CHAN: MAFS HOLDS REGULAR EVENTS TO HELP AGRICULTURAL ENTERPRISES, EAST SABAH, SEE HUA DAILY NEWS-A14 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 17.<br>18. | BANYAKKAN TANAM PADI, BUKAN BINA RUMAH – CAP, NASIONA, SH-4<br>LUI PROPOSES TO INCREASE RICE PRICES IN STAGES TO REDUCE PEOPLE`S BURDEN, EAST SABAH, SEE HUA DAILY NEWS-A3 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Harga beras import dijangka naik | | |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 56,027 |
| Page No | 1,3 | Readership | 168,081 |
| Language | Malay | ArticleSize | 923 cm² |
| Journalist | Noor Atiqah Sulaiman dan Baharom Bakar | AdValue | RM 30,563 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 91,689 |





# Beras import makin mahal, bekalan beras tempatan kurang

- Harga runcit beras import dijangka naik sehingga RM7 bagi kampit 10kg berikutan penyelarasan harga baharu di seluruh negara yang diumumkan BERNAS kelmarin.
- Negara juga berdepan kekurangan bekalan beras Super Spesial Tempatan 5 peratus (SST5) sejak tiga bulan lalu yang harganya dikawal kerajaan.
- Kerajaan arahkan pengilang padi tingkatkan pengeluaran 20 peratus, menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan.

*Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Baharom Bakar* → *Nasional* 3



Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Harga beras import dijangka naik | | |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 56,027 |
| Page No | 1,3 | Readership | 168,081 |
| Language | Malay | ArticleSize | 923 cm² |
| Journalist | Noor Atiqah Sulaiman dan Baharom Bakar | AdValue | RM 30,563 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 91,689 |

# Harga beras import dijangka naik

## Penyelarasan baharu jadikan kampit 10kg naik sehingga RM7

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Harga beras import dalam pasaran runcit tempatan dijangka meningkat sehingga RM7 sekampit bagi pembungkusan 10 kilogram (kg), berikutan penyelarasan harga baharu di seluruh negara yang diumumkan kelmarin.

Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO), Datuk Ameer Ali Mydin, menyifatkan kadar peningkatan itu agak tinggi iaitu kira-kira 30 peratus daripada harga semasa barangan berkenaan.

Beliau berkata, harga itu terpaksa dinaikkan kerana ia berkait masalah yang sedang dialami secara global, namun kerajaan seharusnya menyediakan beberapa langkah bagi mengekang ia terus dinaikkan dari semasa ke semasa.

"Kita memang sedia maklum dengan pengumuman bahawa harga beras import akan dinaikkan, maknanya kita sebagai penjual, sudah diberitahu mengenai harga baru iaitu 70 sen bagi setiap kilogram atau RM7 bagi 10kg beras.

"Bagaimanapun, perkara itu hanya dimaklumkan menerusi Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), kerajaan atau menteri berkaitan tidak ada pun mengeluarkan sebarang kenyataan mengapa harga beras import itu terpaksa dinaikkan.

"Sepatutnya, mereka kena terangkan kepada rakyat kerana ini adalah isu mustahak. Beritahu apa yang berlaku dan seterusnya menguar-uarkan inisiatif yang diambil kerajaan bagi mengekang permasalahan ini," katanya kepada *BH*, semalam.

BERNAS dalam kenyataannya, mengumumkan penyelarasan harga jualan beras putih import daripada RM2,350 kepada RM3,200 satu tan yang berkuat kuasa di seluruh negara mulai kelmarin, sejajar harga terkini di pasaran antarabangsa.

Ketika mengumumkan kenaikan harga itu, BERNAS berkata, syarikat itu mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran mata wang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Faktor itu secara kolektif mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah pula larangan eksport beras putih yang diumumkan India baru-baru ini.



*Kerajaan seharusnya menyediakan beberapa langkah bagi mengekang kenaikan harga beras import dari semasa ke semasa.*
(Foto hias



*Ameer Ali ydin*

Ameer yang juga Pengarah Urusan Mydin, mendakwa selain berdepan kenaikan harga beras import, negara juga sedang berdepan kekurangan bekalan beras Super Spesial Tempatan 5 peratus (SST5) sejak tiga bulan lalu yang harganya dikawal kerajaan.

Beliau mendakwa, isu kekurangan bekalan itu sudah dimaklumkan kepada kerajaan, namun sehingga kini tiada penyelesaian yang diberikan.

"Antara cadangan saya adalah meminta supaya Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Datuk Seri Mohamad Sabu) bekerjasama dengan BERNAS serta berterus terang berapa peratus beras tempatan yang berada di pasaran kini.

"Kalau peruncit besar macam saya pun tak dapat bekalan, peruncit kecil lagilah tak ada, perkara ini sudah berlarutan di antara tiga hingga enam bulan. Kami tak dapat bekalan mencukupi dan beras yang kononnya ada di pasaran itu pergi ke mana?

"Kita sedia maklum 50 peratus daripada beras di negara ini adalah beras tempatan tetapi hakikatnya kita (peruncit) tidak terima bekalan itu. Kita hanya ingin memastikan bahawa beras tempatan itu ada di pasaran atau sebenarnya pemborong kilang yang menyalahgunakan seperti didakwa mencampur beras tempatan ini dan menjualnya pada harga import," katanya.

Ameer berkata, selama ini rangkaian pasar raya Mydin menjual di antara 1,000 hingga 2,000 kampit beras sehari, namun bekalan yang diterimanya sejak tiga bulan lalu sekitar 50 hingga 100 kampit.

"Kalau kedai runcit kecil, ada yang tak dapat walaupun sebungkus. Dulu kalau ada kekurangan beras, kita dapat la juga dalam 600 hingga 700 kampit, tetapi kini hanya terima dalam 50 kampit dan kejadian ini seperti ada yang tidak kena.

"Malah sehingga kini tiada maklumat yang jelas diterima daripada kementerian. Menteri atau kementerian sepatutnya jelaskan kepada kita dalam sehari berapa tan beras yang ada serta senarai daripada pengilang atau pemborong beras itu dihantar ke kedai mana.

"Jika senarai itu ada dan ia memang sampai kepada peruncit itu, kita tidak mempunyai masalah kerana tidak cukup ini tidak sama dengan tidak ada langsung," katanya.

### Permintaan meningkat

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Al-Amin Barokah Sdn Bhd, pengilang dan pengeluar beras tempatan di Terengganu, Mohd Khairul Nizam Mohd Rozali, berkata kenaikan harga beras import dijangka meningkatkan permintaan bekalan tempatan lebih 60 peratus.

Beliau berkata, sejak Julai lalu, pihaknya mengeluarkan 60 tan beras dan jumlah itu akan ditingkatkan sebanyak 68 peratus lagi susulan peningkatan permintaan yang diterima.

"Beras tempatan yang kami keluarkan turut dihantar bagi memenuhi permintaan syarikat pengedar di beberapa negeri lain. Kita akan mengedarkan 60 tan beras untuk pasaran tempatan dan 30 tan bagi luar Terengganu," katanya ketika ditemui di Kampung Cabang Tiga di sini, semalam.

Sementara itu, tinjauan di Kuala Terengganu mendapati harga beras putih import dijual RM15.90 setiap lima kilogram dan RM49 bagi sekampit 10kg.

Seorang peniaga, Muhammad Nor Firdaus, berkata harga beras putih import dijangka meningkat sehingga 35 peratus pertengahan bulan ini.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pengilang diarah tingkat pengeluaran 20 peratus | | |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 56,027 |
| Page No | 3 | Readership | 168,081 |
| Language | Malay | ArticleSize | 220 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,723 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,169 |



# Pengilang diarah tingkat pengeluaran 20 peratus

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengarahkan pengilang padi atau pengeluar beras meningkatkan pengeluaran sebanyak 20 peratus, menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan dalam pasaran.

Dalam kenyataannya, KPKM berkata, pengilang sudah menyatakan persetujuan memberikan kuota tambahan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) itu kepada kerajaan menerusi Padiberas Nasional Bhd (BERNAS).

"Melalui program khas itu juga, BERNAS akan memberikan kuota tambahan berkenaan kepada pemborong Bumiputera untuk menambah bekalan BPT negara.

"KPKM berharap menerusi langkah intervensi ini, bekalan BPT akan kembali pulih dalam waktu terdekat dengan pertambahan pengeluarannya di pasaran.

"Sehingga kini, harga BPT masih kekal pada harga kawalan RM2.60/kilogram sejak 2008 dan ia adalah harga terendah di rantau ini," katanya.

Kelmarin, BERNAS dalam kenyataannya, mengumumkan penyelarasan harga jualan beras putih import di seluruh negara daripada RM2,350 kepada RM3,200 bagi satu tan berkuat kuasa serta merta.

Pada masa sama, KPKM berkata, pemantauan dibuat secara berterusan dengan kerjasama Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Operasi Jamin (OP JAMIN).

"KPKM turut melancarkan Operasi Beras Putih (OP BPT) sejak 16 Ogos lalu bagi menumpukan pemeriksaan dan penguatkuasaan di peringkat pengilang padi dan pemborong beras seluruh negara.

"Sekiranya ada pihak gagal mematuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, KPKM melalui kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berhak membatal atau menggantung setiap lesen yang dikeluarkan," katanya.

Sementara itu, Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan India supaya memberikan pengecualian kepada negara ini berhubung eksport beras.

Beliau berkata, pihaknya peka keputusan dibuat India baru-baru ini yang melarang barangan makanan itu dieksport ke luar.

Katanya, ketika ini Malaysia tidak bergantung sepenuhnya kepada India dalam pengimportan beras kerana turut mempunyai negara sumber lain.

"Pada masa ini, kita ada sumber lain seperti Thailand dan Vietnam, manakala BERNAS memberi jaminan akan memastikan bekalan beras putih import mencukupi untuk keperluan negara," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini, India mengumumkan mengenai larangan eksport beras dari negara itu sebagai langkah mengelak lonjakan harga bekalan domestik.

Pada 20 Julai tahun lalu, India mengharamkan eksport beras putih bukan Basmati, sebelum larangan itu diperluaskan kepada beras hancur mulai September.

Mulai 27 Ogos tahun ini, larangan itu dilanjutkan dengan sekatan eksport lebih ketat berbanding ketika diumumkan sebelum ini.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kementerian komited bantu rakyat ceburi perniagaan agro tani: Chan | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 2 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 281 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,493 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,479 |





**CHAN mengambil kesempatan membantu peniaga menjual hasil agro tani sempena program Jualan Agro Madani di Medan GBBS Sabindo, Sabtu.**

# Kementerian komited bantu rakyat ceburi perniagaan agro tani: Chan

**Lagatah Toyos**

TAWAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan komited membantu rakyat yang berminat menceburi bidang perniagaan agro tani sambil meringankan beban rakyat menerusi inisiatif seperti program jualan Agro Madani.

Program seluruh negara yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) itu mensasarkan untuk membantu rakyat daripada dibebani kos hidup yang tinggi sambil menyediakan platform untuk usahawan meningkatkan pendapatan mereka.

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata Fama menyasarkan jualan sebanyak RM10.8 juta di seluruh negara.

"Setakat ini, hasil jualan sudah mencecah RM3.6 juta dan sasaran pada September tahun ini adalah RM100,000," katanya kepada kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja di Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Sabindo, di sini, pada Sabtu.

Sempena jualan Agro Madani itu, Fama turut mengadakan jualan barang keperluan dengan harga RM6.60 sempena Hari Kemerdekaan Negara ke-66 tahun ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kementerian melalui Fama akan terus mencari inisiatif bagi membantu peniaga agro tani di negara ini demi memastikan rakyat berpeluang mendapatkan produk berkualiti pada harga berpatutan.

"Selama ini, Fama sudah membantu peniaga dengan menawarkan tapak sewa pada harga paling berpatutan seperti Medan GBBS agar mereka tidak terbeban, malah dapat memudahkan orang ramai mendapatkan produk pertanian apabila lima hingga 10 peniaga agro tani ditempatkan bersama,"katanya.

Katanya, GBBS Sabindo memasarkan produk pertanian kebanyakannya buah-buahan tempatan yang majoritinya berasal dari Tawau, Tenom dan Lahad Datu serta kawasan lain.

Untuk rekod, projek GBBS dimulakan pada 26 April 2006 di seluruh negara sebagai salah satu strategi bagi mewujudkan ikatan kerjasama dengan usahawan gerai buah-buahan sedia ada bagi membantu Fama memperluaskan ruang pasaran alternatif bagi buah-buahan tempatan.

Medan GBBS Sabindo di Tawau pula diwujudkan pada 2014 dan berpindah ke tapak baharu pada 2018 membabitkan 10 usahawan yang menjual buah-buahan bermusim dan tidak bermusim.

Jualan Medan GBBS Sabindo mencapai jualan RM523, 140 pada 2021 dan RM611,016 pada 2022 dan mensasarkan RM700,000 untuk jualan pada tahun ini.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TINGKATKAN BEKALAN BERAS BPT | | |
| MediaTitle | Metro Ahad | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 120,979 |
| Page No | 17 | Readership | 362,937 |
| Language | Malay | ArticleSize | 438 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 17,255 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 51,764 |





PENGILANG padi dan pemborong beras digesa supaya meningkatkan bekalan beras putih tempatan bagi menampung keperluan pasaran.

PENGILANG DAN PEMBORONG SETUJU

# TINGKATKAN BEKALAN BERAS BPT

**Putrajaya**

Pengilang padi dan pemborong beras diminta untuk meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) sebanyak 20 peratus menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan, sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan itu di pasaran.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataannya semalam, memaklumkan hasrat itu dipersetujui pengilang padi dan pemborong beras dalam satu sesi libat urus pada 27 Ogos lalu, di Alor Setar, Kedah.

"Melalui Program Khas BPT ini, pihak Padiberas Nasional Bhd (Bernas) akan memberikan kuota tambahan itu kepada pemborong-pemborong Bumiputera untuk menambah bekalan BPT negara," menurutnya.

KPKM berkata, harga BPT masih kekal pada harga kawalan iaitu RM2.60 sekilogram sejak 2008 dan ia adalah harga terendah di rantau ini.

Ini diikuti Thailand yang menjual komoditi itu pada harga RM2.70 sekilogram dan Kemboja RM3.20 sekilogram.

Menurut KPKM, Sesi Dialog Belanjawan 2024 KPKM bersama pemain industri dan pihak berkepentingan di bawah subsektor padi akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), pada 7 September ini.

Sesi itu bertujuan mendapatkan input dan pandangan daripada pemain industri mengenai kaedah meningkatkan pengeluaran BPT.

Dari segi pemantauan terhadap komoditi itu, KPKM memaklumkan ia dijalankan secara berterusan menerusi Operasi Jamin (Op Jamin) yang diperkenalkan pada 1 Julai lalu, dengan kerjasama Kawalselia Padi dan Beras serta Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Kementerian itu turut melancarkan Operasi Beras Putih (Op BPT) pada 16 Ogos lepas yang menumpukan pada pemeriksaan dan penguatkuasaan di peringkat pengilang padi dan pemborong beras di seluruh negara.

## Permintaan dijangka meningkat 60%

Kuala Terengganu: Permintaan beras tempatan dijangka meningkat melebihi 60 peratus berikutan kenaikan harga beras putih import berkuat kuasa kelmarin.

Penasihat syarikat pengeluar beras tempatan, Mohd Khairul Nizam Mohd Rozali berkata, pihaknya mengeluarkan sebanyak 60 tan metrik beras tempatan sejak Julai lalu.

Bagaimanapun, katanya, syarikatnya dijangka meningkatkan pengeluaran sebanyak 68 peratus bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan berikutan kenaikan beras putih import.

"Pada masa ini, beras tempatan dijual pada harga RM12.90 bagi setiap lima kilogram dan RM25.60 bagi setiap pek 10 kilogram.

"Beras tempatan turut dihantar bagi memenuhi permintaan beberapa syarikat pengeluar beras di beberapa negeri," katanya ketika ditemui di premisnya di Kampung Cabang Tiga, semalam.

Padiberas Nasional Berhad (Bernas) mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import daripada RM2,350 satu tan metrik kepada RM3,200 satu tan metrik sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa, berkuat kuasa kelmarin.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Harga betas putih tempatan kekal RM2.60 sekilogram | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 3 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 436 cm² |
| Journalist | MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN | AdValue | RM 20,835 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 62,504 |




Pengilang tambah kuota 20 peratus kepada Bernas, pemborong

# Harga beras putih tempatan kekal RM2.60 sekilogram


**Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my


**KUALA LUMPUR:** Harga beras putih tempatan masih kekal RM2.60 sekilogram yang terendah di rantau ini ketika harga beras import terus meningkat.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkata, kerajaan pada masa sama turut melaksanakan langkah intervensi yang mana pengilang bersetuju memberi tambahan 20 peratus kuota bagi meningkatkan bekalan beras.

Katanya, pengilang padi bersetuju memberi tambahan 20 peratus kuota padi itu kepada kerajaan melalui Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan pemborong bumiputera.

Kementerian itu berkata, keputusan tersebut dicapai melalui sesi libat urus bersama industri pengilang padi dan pemborong beras zon utara 27 Ogos lalu di Alor Setar, Kedah.

"Kerajaan berharap dengan langkah ini, bekalan beras putih tempatan di pasaran kembali pulih dalam waktu terdekat dengan pertambahan jumlah pengeluarannya di pasaran.

"Sehingga kini, harga beras putih tempatan masih kekal pada harga kawalan RM2.60 sekilogram sejak tahun 2008 dan ia adalah harga terendah di rantau ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, kementerian telah melancarkan Operasi Beras Putih (OP BPT) 16 Ogos lalu bagi menumpukan pemeriksaan dan penguatkuasaan peringkat pengilang padi dan pemborong beras.

"Jika didapati ada pihak gagal memenuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), kerajaan melalui kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berhak membatalkan atau menggantung setiap lesen yang telah dikeluarkan," katanya.

Selain itu, kementerian akan mengadakan sesi dialog Belanjawan 2024 bersama pemain industri atau pihak berkepentingan di bawah subsektor padi pada 7 September ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang.

"Ia bertujuan bagi mendapatkan input dan pandangan daripada pemain industri untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan," katanya.

Kelmarin, Bernas mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import di pintu gudangnya seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa 1 September lalu sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

> **"Pengilang padi telah bersetuju memberi tambahan 20 peratus kuota padi kepada kerajaan melalui Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan pemborong-pemborong bumiputera."**

Bernas dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran matawang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Katanya, faktor-faktor itu secara kolektif telah mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

"Bernas telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Walau bagaimanapun, akibat ketidakpastian keadaan semasa dan setelah mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mampan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan buat masa ini," katanya.

Pasaran beras global termasuk beberapa negara ASEAN melonjak minggu lalu ke tahap tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh 12 tahun, berikutan tindakan India melarang eksport beras putih bukan basmati, baru-baru ini.

Malah, harga gred beras Vietnam lima peratus pecah pada 27 Julai melonjak ke tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, iaitu AS$550 - AS$575 (RM2,500 - RM3,470) setiap tan, menandakan harga tertinggi sejak 2011.

Sementara itu, pasaran beras Thailand juga mengalami lonjakan harga yang selari apabila harga gred beras Thailand lima peratus hancur melonjak pada AS$605-AS$610 (RM2,742 - RM2,765) setiap tan, mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh 11 tahun lalu.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Beras tempatan kurang, beras import mahal | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 1,2 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 778 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,494 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,481 |



# SELESAI MASALAH BEKALAN BERAS

- Tinjauan *Sinar Ahad* mendapati orang ramai gusar susulan kekurangan bekalan beras putih tempatan yang harganya lebih murah kerana dikawal kerajaan, apatah lagi beras import kini semakin mahal sehingga mencecah RM38 bagi kampit 10 kilogram.
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sudah mengarahkan pengilang padi dan pemborong beras meningkatkan bekalan beras putih tempatan sebanyak 20 peratus menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan, sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan itu di pasaran.
- Bernas mengesahkan harga beras putih import meningkat 36 peratus iaitu dari RM2,350 kepada RM3,200 satu tan metrik berkuat kuasa Jumaat lalu.

MUKA 2 & 4



Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Beras tempatan kurang, beras import mahal | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 03 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 1,2 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 778 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,494 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,481 |


# Beras tempatan kurang, beras import mahal

## Peruncit, pengguna mengeluh masalah beras putih tempatan berlarutan sejak lebih tiga bulan

**SHAH ALAM**




Rak jualan hanya dipenuhi dengan bekalan beras import di sebuah kedai di Shah Alam.

Masalah kekurangan bekalan beras putih tempatan yang harganya lebih murah kerana dikawal kerajaan terus berlarutan disebabkan permintaan yang tinggi dan pada masa sama harga beras putih import semakin meningkat.

Tinjauan *Sinar Ahad* di beberapa kedai runcit sekitar Lembah Klang mendapati mereka berdepan situasi tersebut sejak lebih tiga bulan lalu.

Seorang peniaga dikenali sebagai Firdaus, 28, berkata, pembekal berdepan kesukaran membekalkan banyak stok beras tempatan yang cepat habis.

"Stok beras tempatan sekarang memang tidak banyak. Harga beras tempatan kini biasanya dalam lingkungan RM13.50 hingga RM14 untuk 5kg.

"Buat masa ini, kita hanya ada beras import yang dijual antara RM16 dan RM18 bagi kampit 5kg.

"Beras tempatan memang cepat habis kerana biasanya dibeli oleh peniaga kedai makanan dan penduduk di sini," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Dalam pada itu, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) memaklumkan harga beras putih import meningkat 36 peratus iaitu dari RM2,350 kepada RM3,200 satu tan metrik berkuat kuasa Jumaat lalu.

Sementara itu, peniaga dikenali sebagai Kassim, 46, berkata, masalah bekalan beras tempatan turut berlaku di kedainya memandangkan beras import makin mahal.

Ujar Kassim, beras import 10kg yang dulu dijual pada harga RM26 kini telah meningkat kepada RM30.90.

"Untuk beras import 5kg kita jual dari harga RM15.90 hingga RM19 bergantung kepada jenama," ujarnya.

Dalam pada itu, peniaga dikenali sebagai Nur, 30, berkata, pembeli sudah pasti akan memilih beras tempatan sebagai langkah jimat cermat.

"Memang ramai pelanggan yang mengeluh tanya kenapa harga beras naik, tetapi kita sebagai peniaga nak buat macam mana.

"Kita jual pun ikut harga yang ditulis pada kampit beras itu. Buat masa ini kita masih ada bekalan beras tempatan tetapi tidak banyak," ulasnya.

Sebelum ini, Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO), Datuk Ameer Ali Mydin memaklumkan, selain masalah kenaikan harga beras import, ketika ini negara juga sedang menghadapi masalah kekurangan bekalan beras Super Spesial Tempatan 5 peratus (SST5).

Pasar raya Mydin menjual antara 1,000 hingga 2,000 peket beras sehari namun bekalan yang diterimanya sejak tiga bulan lalu sekitar 50 hingga 100 peket sahaja.

Kenaikan harga beras import ada kaitan dengan langkah India menghentikan eksport beras putih bukan basmati sebagai langkah mengelakkan lonjakan harga bekalan domestik ekoran hujan yang lebat melanda negara itu.



### Bekalan beras negara

**Beras import**
- Meliputi 30 peratus daripada keperluan negara.
- 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras diimport setiap tahun.
- Sumber beras import Malaysia adalah dari India, Myanmar, Kemboja, Pakistan, Thailand, dan Vietnam.

**Punca beras import naik harga**
- Sekatan eksport oleh negara-negara pengeluar beras. India misalnya menghentikan eksport beras putih bukan basmati Julai lalu susulan kekurangan stok dalam negara tersebut.
- Peningkatan kadar inflasi global ekoran kenaikan harga baja dan kos logistik serta pengangkutan.
- Kenaikan nilai tukaran mata wang tempatan terhadap mata wang asing.
- Kenaikan kos buruh.
- Perubahan iklim seperti fenomena El Nino menyebabkan tanaman rosak atau tidak menjadi.

### Perbandingan harga

**(Beras tempatan 10 kilogram)**
- Faiza Emas Special Tempatan: RM26
- Jasmine Super Green: RM28
- Jasmine Super Special Tempatan: RM28.90
- Cap Rambutan Super Special Tempatan: RM29.70

**(Beras import 10 kilogram)**
- Faiza Emas Beras Putih Import: RM29
- Jasmine Super5 Import: RM31.50
- Jasmine Super Special Import: RM37.90
- Cap Rambutan Super Import Biru: RM35.90

*Nota: Hanya harga beras tempatan yang dikawal oleh kerajaan.*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tambah bekalan beras 20 peratus | Color | Full Color |
| MediaTitle | Sinar Harian | Circulation | 140,000 |
| Date | 03 Sep 2023 | Readership | 420,000 |
| Section | Nasional | ArticleSize | 375 cm² |
| Page No | 4 | AdValue | RM 7,950 |
| Language | Malay | PR Value | RM 23,850 |
| Journalist | N/A | | |
| Frequency | Daily | | |




# Tambah bekalan beras 20 peratus

## Kerajaan arah pengilang padi, pemborong beras bantu pulih bekalan di pasaran



**KPKM telah meminta pengilang padi dan pemborong beras menambah bekalan beras putih tempatan sebanyak 20 peratus lagi.**

**PUTRAJAYA**

Pengilang padi dan pemborong beras diminta untuk meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) sebanyak 20 peratus menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan, sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan itu di pasaran.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan pada Sabtu memaklumkan hasrat tersebut telah dipersetujui pengilang padi dan pemborong beras dalam satu sesi libat urus pada 27 Ogos lepas, di Alor Setar, Kedah.

"Melalui Program Khas BPT ini, pihak Padiberas Nasional Bhd (Bernas) akan memberikan kuota tambahan tersebut kepada pemborong-pemborong bumiputera untuk menambah bekalan BPT negara," menurut kenyataan itu.

Menurut KPKM, harga BPT masih kekal pada harga kawalan iaitu RM2.60 sekilogram sejak 2008 dan ia merupakan harga terendah di rantau ini.

Ia diikuti Thailand yang menjual komoditi itu pada harga RM2.70 sekilogram dan Kemboja RM3.20 sekilogram.

LAPORAN MUKA DEPAN

Menurut KPKM, Sesi Dialog Belanjawan 2024 KPKM bersama pemain industri dan pihak berkepentingan di bawah subsektor padi akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), pada 7 September ini.

Sesi tersebut bertujuan mendapatkan input dan pandangan daripada pemain industri mengenai kaedah meningkatkan pengeluaran BPT.

Dari segi pemantauan terhadap komoditi itu, KPKM memaklumkan ia dijalankan secara berterusan menerusi Op Jamin yang diperkenalkan pada 1 Julai lepas, dengan kerjasama Kawalselia Padi dan Beras serta Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Kementerian itu turut melancarkan Operasi Beras Putih (Op BPT) pada 16 Ogos lepas yang menumpukan pada pemeriksaan dan penguatkuasaan di peringkat pengilang padi dan pemborong beras.

Menurut KPKM, sebarang kesalahan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), boleh menyebabkan lesen pihak terbabit dibatal atau digantung menerusi kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras.

Bernas sebelum ini menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan berkuat kuasa Jumaat lalu.

Bernas dalam satu kenyataan berkata, langkah pelarasan itu juga sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/9/2023 | SUMBERKINI | ONLINE | |


# Ulasan | Tubuhkan Segera Pusat Teknologi Pertanian Bandar Atau Terus Di Belakang Singapura



Keterjaminan makanan merupakan satu kebimbangan di peringkat nasional dan global.

Menurut Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada tahun 2022, antara 691 dan 783 juta orang di seluruh dunia mengalami kelaparan, dan majoritinya merupakan penduduk Asia. Manakala 425 juta orang di Asia dianggarkan mengalami kekurangan zat makanan.

Meskipun Malaysia merupakan antara negara pengeluar minyak sawit dan beras tertinggi di Asia, negara kita masih menunjukkan arah aliran yang tidak stabil dalam keterjaminan makanan.

Berdasarkan Indeks Makanan Keterjaminan Global (GSFI), pada tahun 2022 Malaysia menduduki
tempat ke-41 daripada 113 negara iaitu penurunan sebanyak tujuh tangga berbanding kedudukan
tahun 2021.

Oleh demikian, demi mengatasi masalah di atas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) telah menjenamakan semula Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Untuk menangani isu keterjaminan makanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah memperkenalkan dua dasar iaitu Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agro-Makanan Negara 2021-2030.

Kedua-dua dasar di atas menekankan tiga aspek penting yang boleh meningkatkan keterjaminan makanan Malaysia yakni mengurangkan tahap import dan eksport makanan, meningkatkan pertanian domestik dan meningkatkan pengeluaran komoditi.

Walaupun Malaysia melaksanakan dua dasar yang komprehensif untuk menangani masalah keterjaminan makanan, Malaysia masih mengalami penurunan tujuh anak tangga daripada tahun sebelumnya dalam penarafan GSFI.

Justeru, terdapat tiga aspek penting untuk menambah baik GSFI Malaysia dan mengurangkan isu keterjaminan makanan.

